

# Kontraktor didenda RM3,000 kerana ceroboh tanah orang

Abnor Hamizam Abd Manap, Oktober 2023



Kontraktor didenda RM3,000 oleh Mahkamah Majistret Kuala Pilah selepas mengaku salah menceroboh tanah milik orang. Foto Abnor Hamizam Abd Manap

Kuala Pilah: Kontraktor dijatuhi hukuman denda RM3,000 oleh Mahkamah Majistret, di sini, hari ini selepas mengaku salah melakukan pencerobohan ke atas tanah milik orang lain, bulan lalu.

Tertuduh B Karnan, 44, dari Tampin membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibaca di hadapan Majistret Saiful Sayoti.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan pencerobohan jenayah dengan memasuki tanah milik orang lain di Kampung Semin, Rembau pada 27 September lalu.

Kesalahan dibuat mengikut Seksyen 441 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 447 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda sehingga RM3,000 atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh juga boleh dipenjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda terbabit.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Amirul Noor Hashimi, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Berdasarkan fakta kes, seorang lelaki mendapati tanah miliknya diceroboh oleh pihak lain selepas mendapati terdapat sebuah ekskavator di dalam kawasan tanah miliknya pada 27 September lalu.

Dia juga mendapati pokok getah dan pokok-pokok kayu hutan bersaiz besar di dalam kawasan tanah miliknya sudah ditebang tanpa pengetahuannya selain kayu turut dijual.

Laporan daripada juruukur yang dilantik mendapati kawasan tanah milik lelaki berkenaan diceroboh masuk oleh tertuduh.

Muhammad Amirul memohon hukuman setimpal terhadap tertuduh, manakala Karnan merayu mahkamah mengurangkan hukuman denda berikutan menanggung bapa yang sakit dan dua anak selain sudah tidak bekerja sejak sebulan lalu.

-Metro